

# Tol: Perlu selesai melalui rundingan

BH 12 SEP 1990

(Y)

**SUBANG, Selasa** — Kerajaan tidak mahu sebarang isu diselesaikan menerusi kekerasan dan dikaitkan dengan perkauman, sebaliknya ia perlu diatasi di meja rundingan, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

**Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri** berkata perbuatan mengugut kaum lain, memaksa kerajaan dan membaling batu kepada orang awam bukan cara menyelesaikan masalah di negara ini.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan bahawa kuasa rakyat hanya boleh dilaksanakan menerusi mengundi dalam pilihanraya umum dan perbincangan.

"Kita boleh duduk berbincang seperti orang bertamadun... bukan baling batu. Perbuatan membaling batu biarlah dibuat di negara lain... di Malaysia tak payahlah," katanya kepada pemberita di Blik Orang Kenaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, di sini sebelum berlepas ke Korea Selatan.

Menurutnya, selama ini kerajaan memang mengambil pendekatan aecara berunding da-

lam mengatasi sesuatu perbesaan pendapat, misalnya menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen) dan Majlis Perundingan Akta Pendidikan.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai isu tol di Plaza Tol Cheras, yang mendapat bantahan kerana kadarnya yang didakwa mahal iaitu \$1 bagi satu perjalanan sehingga sekumpulan penduduk mengadakan tunjukperasaan.

**Perdana Menteri berkata**, kerajaan sedia menimbang untuk mengambil apa jua langkah perlu bagi mengatasi masalah tol itu, dengan syarat orang ramai tidak mengadakan tunjuk perasaan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak pula boleh dipaksa untuk tunduk kepada ugutan.

"Kita memang selalu sedia menimbang apa juga tuntutan orang ramai yang dilakukan dengan cara betul. Tol di Plaza Tol Jalan Kuching dulu, kita memberi pertimbangan sewajarnya tetapi di situ tidak ada tunjuk perasaan macam di Che-

ras," katanya.

**Perdana Menteri berkata**, kerajaan bukan tidak sedar masalah rakyat, tetapi pada masa yang sama, kita juga perlu menjaga harmoni antara kaum dan soal tol tidak sepatutnya dibabitkan dengan soal bangsa.

Ditanya mengenai kemungkinan perintah berkurung akan dikenakan di kawasan Cheras jika rusuhan terus berlaku sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor, **Perdana Menteri berkata**:

"Perintah berkurung itu biasa-salah. Kalau ada rusuhan besar dan membahayakan, memanglah kita kenakan perintah berkurung. Bagaimanapun, kita tidak berhasrat mengambil tindakan seumpama itu."

Mengenai hasrat Ahli Parlimen DAP Bukit Bintang, Encik Lee Lam Thye, untuk memenuhinya semalam, **Datuk Seri Dr Mahathir berkata**, pertemuan itu memang boleh diadakan tetapi "saya pun ada wakil di situ (Cheras) dan Encik Lee boleh menemui wakil BN berkenaan."